



Rujukan Kami : KPM.600-14/1/1 ~~JKD~~ (29)  
Tarikh : 29 Januari 2020  
4 Jamadilakhir 1441 H

Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu  
Jalan Bukit Kecil, Kuala Terengganu  
Terengganu

Tuan,

**PELAKSANAAN PROGRAM *STUDENTS ON ICE, ARCTIC EDUCATIONAL EXPEDITION 2020* – PENYERTAAN PELAJAR DAN GURU DARI NEGERI TERENGGANU**

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terlebih dahulu merakamkan terima kasih di atas usaha pihak **Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM)** untuk meneruskan penganjuran **Program *Students on Ice; Arctic Educational Expedition* pada tahun 2020**.
3. Setelah meneliti permohonan yang dikemukakan, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) **tiada halangan menyokong** hasrat pihak YPASM untuk meneruskan penganjuran Program *Students on Ice; Arctic Educational Expedition* pada tahun 2020 di sekolah-sekolah menengah di negeri Terengganu. Program berkenaan memberi peluang kepada warga sekolah untuk melalui proses pengajaran dan pembelajaran tentang kehidupan di kawasan Artik serta meluaskan pemahaman mereka dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik khususnya.
4. Untuk makluman tuan, pihak YPASM berhasrat untuk sekali lagi menghantar **dua (2) orang murid Tingkatan 4 dan seorang (1) guru dari Terengganu untuk mengikuti program berkenaan yang akan berlangsung dari 5 hingga 20 Julai 2020**. Satu proses pemilihan murid-murid dan guru akan diadakan di Terengganu. Sehubungan dengan itu, pihak YPASM akan membuat penyelarasan berkaitan program tersebut dengan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.

5. Segala kos terlibat dalam proses pemilihan dan penghantaran peserta menyertai program *Students on Ice; Arctic Educational Expedition 2020* akan dibiayai oleh YPASM. Sebarang pertanyaan dan maklumbalas boleh diajukan kepada pegawai terlibat iaitu, **Encik Muhammad Fardy Md Ibrahim** di [fardy@ypasm.my](mailto:fardy@ypasm.my) atau melalui talian **019 2934980** atau pegawai bahagian ini iaitu **Puan Zalina Kamis** di talian **03 8884 1024** atau **019 2508926**.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINAL BIN ABAS)**

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

ZK/zk

- s.k.
1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)
  2. Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan.